



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# DASAR BAHASA DALAM PENYATA RAZAK DAN PENYATA RAHMAN TALIB

ROSHAN BEE BT. NAGOOR  
2002-00524



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan

20.04.2004

**ROSHAN BEE BT. NAGOOR**  
**200200524**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## DECLARATION

I hereby declare that the writing in this thesis is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

20.04.2004

Signature

ROSHAN BEE BT. NAGOOR  
200200524



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGHARGAAN

Saya dengan penuh tulus ikhlas ingin menyampaikan penghargaan kepada penyelia saya, Profesor Dr. Abdullah bin Hassan kerana sumbangan yang telah beliau curahkan kepada saya sepanjang jangkamasa saya menjalankan kertas projek dan seterusnya, selama saya menyelesaikan penulisan kertas projek ini. Dengan penuh gigih dan sabar beliau tidak berhenti-henti memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada saya.

Oleh itu di sini saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas pengorbanan tenaga dan masa yang telah beliau berikan kepada saya khususnya, semasa saya menyusun fikiran bagi menyiapkan kertas projek. Saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Dekan Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberi dorongan dan semangat bagi saya menyiapkan kertas kerja ini mengikut tarikh yang dikehendaki. Saya juga tidak sekali-kali lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang sudi berkongsi pendapat bagi mendapatkan bahan rujukan.

Di akhir kata saya merakamkan terima kasih kepada suami dan anak-anak kerana sentiasa memberi semangat dan selalu menunjukkan kesefahaman sepanjang saya menyiapkan kertas projek ini. Terima kasih sekali lagi kepada semua.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Setelah negara mencapai kemerdekaan 1957, maka salah satu perubahan yang berlaku di dalam dasar pelajaran di negara ini, yang paling menonjol sekali ialah perubahan dasar bahasa pengantar di dalam sistem persekolahan. Semua sekolah rendah yang dahulunya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dengan beransur-ansur telah beralih menggunakan bahasa Melayu pula sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah tersebut. Begitu juga halnya di sekolah-sekolah menengah secara beransur-ansur juga telah menggunakan satu bahasa pengantar yang tunggal iaitu bahasa Melayu. Tumpuan kertas projek ini bagi mengesan peranan dasar bahasa dalam Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib. Jangkama yang terlibat dalam kertas projek ini ialah daripada tahun 1946 – 1970. Tahun 1956 adalah merupakan titik tolak pembentukan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1956 yang lebih terkenal dengan nama Laporan Razak 1956. Sejak tahun itu, berbagai-bagai perubahan telah berlaku dalam pelaksanaan syor-syor yang telah diperakukan oleh laporan tersebut. Salah satu perubahan yang dilaksanakan ialah peralihan penggunaan bahasa pengantar secara beransur-ansur daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara kita. Bagi mencapai tujuan ini enam bab telah disusun bagi memaparkan semua aspek yang berkaitan dengan peralihan dasar bahasa pengantar itu khususnya di dalam Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib. Bab yang pertama menjelaskan semua aspek yang menjadi latar belakang kajian kertas projek ini. Di dalam bab dua, tumpuan diberikan kepada empat jenis pelajaran iaitu pelajaran dalam bahasa pengantar bahasa Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris. Bab ini juga akan membincangkan penubuhan empat jawatankuasa bagi mengkaji sistem pendidikan di negara ini. Laporan-laporan yang dikemukakan oleh setiap jawatankuasa tersebut ialah Laporan Cheeseman (1946), Laporan Barnes (1950), Laporan Fenn-Wu (1951), dan Ordinan Pelajaran 1952. Bab tiga pula menjelaskan kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa pengantar. Bab ini membincangkan kedudukan bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan dan Penyata Razak (1956). Akta Bahasa Kebangsaan yang digubal pada 1963 yang telah disemak semula pada tahun 1967 juga diterangkan dalam bab ini. Pengkaji juga menjelaskan kedudukan bahasa Melayu dalam Pendidikan di Malaysia. Bab ini juga menerangkan rancangan-rancangan Kementerian Pelajaran Dalam bab 4, pengkaji memaparkan biodata pelaksana Penyata Razak iaitu Tun Abdul Razak bin Husain dan senarai ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat. Dalam bab ini juga dibincangkan semua cadangan dan pelaksanaan cadangan-cadangan tersebut dalam Penyata Razak. Kejayaan-kejayaan yang dicapai dan kesan pelaksanaan Penyata ini juga dibincangkan. Bab ini diakhiri dengan senarai isu-isu bahasa yang timbul semasa pelaksanaan Penyata Razak. Bab 5 menghuraikan latar belakang Encik Abdul Rahman bin Talib dan senarai ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat. Tugas jawatankuasa juga dibincangkan. Pengkaji juga menerangkan kedudukan bahasa Melayu dalam Penyata Rahman Talib dan kejayaan-kejayaan yang dicapai ketika pelaksanaan ini dibuat. Bab ini diakhiri dengan isu-isu bahasa yang timbul ketika itu. Bab 6 adalah bab terakhir dalam kertas projek ini. Bab ini merumuskan pelaksanaan Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib. Bab ini juga merumuskan isu-isu bahasa yang timbul ketika itu. Bab ini diakhiri dengan senarai persoalan-persoalan yang belum selesai selepas pelaksanaan kedua-dua penyata tersebut.





## ABSTRACT

After the country achieved independence in 1957, there was a change in the education policy of this country and the most obvious one was the change of policy of the medium of instructions in the school system. All primary schools that had used English as the medium of instruction had gradually switched to the Malay language as the medium of instruction. Eventually, it was followed by the secondary schools and soon there was only one medium of instruction that is the Malay language. The first chapter will give an explanation on all aspects that will be the background of this working paper. In the second chapter, the stress is on education in four types of vernacular schools that is education in the Malay language, Chinese language, Tamil language and in English language. This chapter also discusses the establishment of four committees to study the education system. The reports put forward by these committees are The Cheesemen Report(1946), The Barnes Report(1950), The Fenn-Wu Report(1951) and The Education Ordinance(1952). The third chapter explains the status of the Malay language as the National Language and also as the medium of instruction. This chapter also discusses the status of the Malay language in the Federal Constitution and the Razak Report(1956). The National Language Act of 1963 and revised again in 1967 is also explained in this chapter. This chapter also talks about the Education Ministry and the objectives of the policies of the Education Ministry. In the fourth chapter, the researcher tells the background of the person responsible for the Razak Report that is Tun Abdul Razak bin Husain and the list of committee members involved in it. It also lists out the proposals of the Report. In this chapter the success of the Report is also stated and also the effects on the Report's implementation. The chapter ends with the issues that came up during the implementation of the report. Chapter 5 tells the background of Encik Abdul Rahman bin Talib and the list of committee members. The functions of this committee is also discussed. The researcher also tells us about the status of the Malay language in the Rahman Talib Report and the success implementation of the report. The chapter ends with the issues about language that arose after the implementation of the Rahman Talib Report. Chapter 6 is the last chapter in this project paper. This chapter is divided into three sections, mainly the Razak Report, The Rahman Talib Report and the issues that arose due to the implementation of these reports. The chapter ends with the questions of unsettled issues after the implementation of Razak Report and the Rahman Talib Report.



## KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Dasar Bahasa Melayu	1
1.3 Fokus Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Metadologi Kajian	6
Bab 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	8
2.2 Latar Belakang	8
2.2.1 Pelajaran dalam Bahasa Pengantar Melayu	10
2.2.2 Pelajaran dalam Bahasa Pengantar Cina	12
2.2.3 Pelajaran dalam Bahasa Pengantar Tamil	15
2.2.4 Pelajaran dalam Bahasa Pengantar Inggeris	17
2.3 Laporan Cheeseman (1946)	18
2.4 Laporan Barnes (1950)	22
2.5 Laporan Fenn-Wu (1951)	25
2.6 Ordinan Pelajaran 1952	27



<b>2.7 Kesimpulan</b>	<b>29</b>
<b>Bab 3 BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN DAN BAHASA PENGANTAR</b>	
<b>3.1 Pengenalan</b>	<b>32</b>
<b>3.2 Kedudukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan(1957)</b>	<b>33</b>
<b>3.3 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67</b>	<b>34</b>
<b>3.4 Kedudukan Bahasa Melayu dalam Pendidikan di Malaysia</b>	<b>34</b>
<b>3.5 Rancangan Kementerian Pelajaran</b>	<b>35</b>
<b>3.6 Matlamat Dasar Kementerian Pelajaran</b>	<b>37</b>
<b>3.7 Kesimpulan</b>	<b>39</b>
<b>Bab 4 PENYATA RAZAK</b>	
<b>4.1 Pengenalan</b>	<b>40</b>
05-4506832     pustaka.upsi.edu.my     Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
<b>4.2 Latar Belakang</b>	<b>40</b>
<b>4.3 Ahli-ahli Jawatankuasa Pelajaran 1956</b>	<b>42</b>
<b>4.4 Tugas-tugas Jawatankuasa</b>	<b>44</b>
<b>4.5 Kedudukan Bahasa Melayu dalam Penyata Razak</b>	<b>46</b>
<b>4.6 Cadangan-cadangan di dalam Penyata Razak</b>	<b>47</b>
<b>4.7 Galakan Mempelajari Bahasa Melayu dalam Penyata Razak</b>	<b>50</b>
<b>4.8 Bahasa Melayu melalui penubuhan Sekolah Bahasa</b>	<b>51</b>
<b>4.9 Kelayakan dalam Bahasa Melayu</b>	<b>53</b>
<b>4.10 Kelayakan Bahasa Melayu dalam Peperiksaan</b>	<b>54</b>
<b>4.11 Penggunaan Bahasa Melayu melalui Bahasa Lain</b>	<b>57</b>





4.12 Tulisan Jawi dan Rumi	59
4.13 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka	59
4.14 Pelaksanaan Cadangan-cadangan dalam Penyata Razak	63
4.15 Kejayaan dalam Pelaksanaan Penyata Razak	64
4.16 Kesan Pelaksanaan Penyata Razak	65
4.17 Isu Bahasa dalam Penyata Razak	65
4.18 Kesimpulan	67
<b>Bab 5 PENYATA RAHMAN TALIB</b>	
5.1 Pengenalan	70
5.2 Latar Belakang	71
5.3 Ahli-ahli Jawatankuasa Penyata Rahman Talib	71
5.4 Tugas-tugas Jawatankuasa	72
5.5 Kedudukan Bahasa Melayu dalam Penyata Rahman Talib	74
5.6 Cadangan-cadangan di dalam Penyata Rahman Talib	78
5.7 Kejayaan dalam Pelaksanaan Penyata Rahman Talib	81
5.8 Isu bahasa dalam Pelaksanaan Penyata Rahman Talib	82
5.9 Kesimpulan	84
<b>Bab 6 RUMUSAN</b>	
6.1 Pengenalan	85
6.2 Penyata Razak	85
6.3 Kejayaan dalam Pelaksanaan Penyata Razak	86
6.4 Kesan Pelaksanaan Penyata Razak	87
6.5 Isu Bahasa dalam Pelaksanaan Penyata Razak	88





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

<b>6.6 Penyata Rahman Talib</b>	<b>88</b>
<b>6.7 Kejayaan dalam Pelaksanaan Penyata Rahman Talib</b>	<b>89</b>
<b>6.8 Isu Bahasa dalam Pelaksanaan Penyata Rahman Talib</b>	<b>89</b>
<b>6.9 Perkara yang Belum Selesai Selepas</b>  <b>Pelaksanaan Penyata Razak dan</b>  <b>Penyata Rahman Talib</b>	<b>91</b>
<b>RUJUKAN</b>	
<b>LAMPIRAN</b>	



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
4.1 Pelajaran yang diajar bagi menduduki Sijil Rendah Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu	55,56

## SENARAI SINGKATAN

Singkatan	muka surat	
U.M.N.O.	United Malay Nation Organization	41
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka	60,61
ASAS 50	Angkatan Sasterawan 50	60

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan Dasar Bahasa Melayu dan pelaksanaannya dalam sistem pendidikan. Pengkaji juga akan menjelaskan kepentingan dasar bahasa

#### Melayu dalam sistem pendidikan.

#### 1.2 Latar Belakang Dasar Bahasa Melayu

Penduduk Malaysia, menjadi berbilang bangsa sejak seratus lima tujuh tahun yang lalu. Di bawah pentadbiran Inggeris, ketiga-tiga bangsa ini tinggal terpisah dari segi geografi, ekonomi dan sosialnya. Oleh yang demikian, tugas utama kerajaan semasa mencapai kemerdekaan adalah bagi menyatukan penduduk daripada berlainan bangsa ini dalam membina negara baru. Bahasa merupakan isu utama dalam pembinaan negara ini.

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di bawah pemerintahan Inggeris, menubuhkan kabinet dalam pentadbirannya. Kementerian Pelajaran adalah salah satu daripada



kementerian di dalamnya. Pada bulan September, 1955 Kerajaan Persekutuan menubuhkan Jawatankuasa Pelajaran yang telah dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran ketika itu iaitu Tun Abdul Razak bin Husain. Menurut Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, halaman 1:

*"We were appointed by the Government of the Federation of Malaya in September, 1955, with the following terms of reference:*

- (a) *To examine the present Education policy of the Federation of Malaya and to recommend any alterations or adaptations that are necessary with a view to establishing a national system of education acceptable to the pupil of Federation as a whole which will satisfy their needs and promote their cultural, social, economic and political development as a nation, having regard to the intention to make Malay the national language of the country whilst sustaining the growth of the language and culture of other communities living in the country:*
- (b) *For this purpose to examine the Educational structure of the country including such provisions of the Education Ordinance, 1952, as may require alterations or adaptations and the measures for its implementation contained in Council Paper on educational policy No. 67 of 1954."*



Ahli-ahli Jawatankuasa ini ditugaskan bagi memeriksa segala dasar pelajaran di Persekutuan Tanah Melayu. Jawatankuasa ini juga ditubuhkan bagi membuat satu peraturan pelajaran yang dapat diterima umum bagi memenuhi keperluan mengadakan satu sistem pendidikan kebangsaan. Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan di samping perkembangan bahasa dan adat resam kaum-kaum lain.

Tun Abdul Razak bin Husain memainkan peranan penting dalam usaha meninggikan taraf bahasa Melayu. Ini adalah kerana perkara yang penting dalam Laporan Jawatankuasa ini dikeluarkan dan dikenali sebagai Penyata Razak.



Di samping memeriksa dasar pelajaran, objektif utama penubuhannya ialah bagi menubuhkan satu Peraturan Pelajaran yang dapat diterima umum. Objektif ini adalah bagi memenuhi keperluan rakyat Negeri Persekutuan Tanah Melayu serta menggalakkan penggunaan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Tun Abdul Razak bin Husain memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan taraf bahasa Melayu dari segi kedudukan dan kepentingannya sebagai Bahasa Kebangsaan. Ini adalah kerana perkara yang penting dalam Laporan Jawatankuasa Razak ialah menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di samping memelihara bahasa dan kebudayaan lain.

Pada tahun 1960, Penyata Razak disemak semula oleh Jawatankuasa Abdul Rahman Talib. Tujuan Laporan Rahman Talib ialah memperteguh dan memperbaik taraf bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, orang perseorangan dan pertubuhan-pertubuhan terpaksa juga memainkan peranan masing-masing dalam memperjuang supaya bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan negara. Hal ini mereka lakukan bagi melaksanakan dasar bahasa seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Laporan Razak.

Dasar bahasa ditentukan oleh keadaan sosiobudaya, politik, sejarah, dan tradisi penduduk tempatan sesebuah negara. Dasar bahasa berkaitan dengan dasar pendidikan kebangsaan iaitu bagaimana bahasa dilaksanakan dalam pendidikan kebangsaan.

Menurut Dewan Bahasa Jilid II, Bilangan (5) Mei 1958:

*“Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan dalam dasar bahasa di negara kita setelah mengambil kira perkara-perkara berikut:*

1. *Bahasa Melayu ialah bahasa yang asal berkembang di Tanah Melayu. Bahasa Cina, Tamil, Inggeris, dan lain-lain bahasa bukanlah bahasa yang asalnya berkembang di Tanah Melayu tetapi dibawa daripada negara-negara lain.*
2. *Bahasa Melayu sudah sedia menjadi lingua franca segala bangsa yang datang untuk berdagang atau tinggal tetap di Tanah Melayu. Sebelum penjajahan, bahasa Melayulah yang menjadi bahasa perantaraan yang digunakan dalam masyarakat dan pentadbiran. Walaupun bahasa Inggeris telah digunakan semasa penjajahan selama lebih seratus tahun iaitu dari 1786 sehingga 1956, tetapi bahasa perantaraan rakyat ketika itu masih lagi bahasa Melayu sehingga sekarang. Dalam masa pendudukan Jepun walaupun bahasa Jepun dipaksa kepada rakyat tetapi bahasa Melayu juga menjadi bahasa perantaraan rakyat yang berbilang bangsa dan mempunyai bahasa ibunda masing-masing.*
3. *Walaupun pengaruh kuasa bahasa Inggeris di Tanah Melayu membolehkan bahasa Inggeris mempunyai kedudukan dan pengaruh yang tinggi dan luas, namun ia tidak menjadi bahasa perantaraan seluruh peringkat rakyat. Hanya golongan atasan dan menengah sahaja yang menggunakan bahasa Inggeris. Bahasa Melayu masih tetap digunakan sebagai bahasa perantaraan di antara golongan atasan dan pertengahan dengan rakyat biasa.*
4. *Orang-orang bukan Melayu semasa penjajahan British, sudah sedar bahawa kemahiran berbahasa Melayu dalam pergaulan sehari-hari menjadi ukuran penyesuaian mereka di Tanah Melayu. Misalnya, masyarakat kaum Baba di Melaka yang sudah mahir berbahasa Melayu.”*

Menurut Dewan Bahasa Jilid II, Bilangan (5), Mei 1958:

*“Sifat-sifat dan kelayakan-kelayakan bahasa Melayu seperti yang disebutkan di atas itu tidak terdapat sama sekali pada bahasa Kuo Yu, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris (kalau bahasa Inggeris pun hendak dimasukkan juga dalam perhitungan). Dan kalau bilangan banyak hendak diperhitungkan maka jumlah rakyat negeri ini yang berbahasa Melayu sudah terang lebih banyak dari yang berbahasa lain.”*

Penyataan di atas jelas memberitahu kita bahawa bahasa Melayu dijadikan dasar bahasa di negara kita berdasarkan faktor sejarah dan sebagai bahasa asal.

### 1.3 Fokus Kajian

Soal besar yang dihadapi oleh pemimpin dan pendidik sejak Perang Dunia Kedua dan yang lebih mendesak semasa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan ialah melahirkan satu masyarakat Malaysia yang mempunyai keazaman, kesanggupan dan kesediaan untuk hidup bersama dengan rukun dan damai serta mempunyai kesedaran, keperibadian dan nilai-nilai sebagai rakyat Malaysia. Ini jelas ditegaskan dalam Akta Pelajaran 1961:

*“Bahawasanya dasar pelajaran seperti diisyiharkan dalam Ordinan Pelajaran 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pelajaran yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politiknya;*

*Bahawasanya adalah difikirkan perlu setakat yang sejajar dengan dasar itu, dengan mengadakan pengajaran yang cekap dan dengan menggalakkan perbelanjaan awam yang tidak berpatutan, perhatian hendaklah diberi kepada prinsip am bahawa murid-murid hendaklah dididik mengikut kemahuan-kemahuan ibu bapa mereka;*

*Dan bahawasanya peruntukan selanjutnya adalah dikehendaki untuk menentukan agar dasar tersebut dilaksanakan secara berkesan, termasuk, khususnya, peruntukan bagi perkembangan yang progresif bagi satu sistem pelajaran dalam mana Bahasa Kebangsaan adalah menjadi bahasa pengantar utama.”*

(Hussein Hj. Ahmad, Pendidikan untuk Perpaduan, halaman 38)

Satu cara yang penting bagi mewujudkan perpaduan di dalam sesebuah negara ialah menerusi pelajaran. Dalam konteks Malaysia, hakikat bahawa pelajaran merupakan faktor unggul dalam membina kerakyatan yang tunggal telah dijelaskan berdasarkan pernyataan berikut:

*“It is accepted that education is not the only means available in the task of achieving national unity and solidarity in the plural community of Malaya, but it remains the most important single factor integration in the racial, religious and cultural complex of Malaya.”*

(Ho Seng Ong, Education for Unity in Malaya, halaman 64, 1952)

Dasar Bahasa Melayu yang dilaksanakan melalui sistem pendidikan ialah suatu usaha bagi menyelesaikan masalah perpaduan di samping meninggikan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Dalam kertas kerja ini, pengkaji ingin mengkaji:

1. Apakah perbezaan di antara sistem pendidikan sebelum merdeka dengan selepas merdeka?
2. Apakah taraf bahasa Melayu dalam Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib?
3. Apakah halangan-halangan yang dihadapi dalam pelaksanaan dasar bahasa Melayu selepas merdeka iaitu dalam Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib?

#### 1.4 Objektif Kajian

Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat peristiwa-peristiwa penting dalam pelaksanaan dasar bahasa dan keberkesanan Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib. Pengkaji juga ingin mengkaji sebab-sebab kajian semula dibuat setelah kedua-dua laporan dilaksanakan.

Dalam kajian ini juga, pengkaji akan mengkaji Laporan Cheeseman, Barnes, Fenn-Wu dan Ordinan 1952.

#### 1.5 Metadologi Kajian

Kaedah yang digunakan dalam membuat kajian kertas projek ini ialah dengan merujuk kepada teks-teks yang berkaitan dengan Bahasa Melayu yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1956, Penyata Penyemak Pelajaran 1961, Perlembagaan

Persekutuan, dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Pengkaji juga merujuk kepada Laporan Cheeseman, Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu, Laporan Tahunan Pelajaran 1950 dan 1951 dan Laporan Mengenai Pelaksanaan Syor-syor Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran 1960.

Pengkaji mengambil semua dokumen yang dirujuk di perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Pusat Dokumentasi Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Arkib Negara. Selain itu penulis juga menganalisis dan menghuraikan taraf bahasa Melayu dengan bantuan beberapa buah buku rujukan dan artikel dalam akhbar-akhbar tempatan semasa pelaksanaan Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib.